

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 12 OKTOBER 2021, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 8**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

1. PR-1441-MQT1321  
**Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [ Parit ]** minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan pendirian terkini Kerajaan khususnya Kementerian Pertahanan berkaitan isu pakatan keselamatan tiga negara yang telah diwujudkan antara Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia (AUKUS) susulan kunjungan Utusan Khas Australia ke atas YB Menteri Kanan Pertahanan baru-baru ini.
  
2. PR-1441-MQT1305  
**Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh [ Sri Gading ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang status dan hak jika penjawat awam tidak mahu mengambil vaksin dan adakah Kerajaan akan mengenakan tindakan undang-undang terhadap penjawat awam tersebut.
  
3. PR-1441-MQT1307  
**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah ada cadangan daripada Kerajaan untuk menambahkan kawasan pilihan raya atau persempadanan semula, selepas pertambahan pemilih yang banyak pada suku ke-3 Tahun 2021. Berikan rasional terhadap keputusan Kerajaan.

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 12 OKTOBER 2021, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 17**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1441-L12172  
**Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ]** minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-
  - (a) sektor industri manakah yang paling terjejas sejak negara dilanda wabak COVID-19 ; dan
  - (b) tahap kesediaan Kerajaan membuka kembali sektor ekonomi sepenuhnya.
  
2. PR-1441-L11715  
**Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [ Temerloh ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan pada awal Januari 2021, Lebuhraya Pantai timur telah ditenggelami banjir pada lokasi-lokasi berikut km 84.6- km 84.7, km 113, km 126.3 dan km 198. Lokasi km 113 telah dua kali ditenggelami banjir. Kali pertama pada tahun 2014 dan kedua kalinya pada tahun 2021. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian supaya kejadian lebuhraya penting bagi hubungan ke Pantai Timur tidak terputus berhari-hari akibat banjir.
  
3. PR-1441-L12073  
**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah perkembangan terkini penyelesaian permasalahan air Kelantan dan pelan jangka masa pendek dan juga jangka masa panjang.

4. PR-1441-L12364  
**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan usaha yang dilakukan oleh LGM untuk menambah baik sektor perladangan getah sejak YB Kuala Nerus memegang jawatan Menteri daripada 10 Mac 2020 hingga 16 Ogos 2021. Nyatakan usaha Kementerian untuk membantu pekebun kecil getah.
5. PR-1441-L11997  
**Datuk Seri Panglima Hajah Azizah Binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [ Beaufort ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan berapa peratus terkini jumlah Bukan Warganegara di Sabah yang telah divaksin.
6. PR-1441-L12196  
**Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk memastikan SDG terlaksana dalam semua dasar pembangunan bagi memastikan pemeliharaan alam sekitar.
7. PR-1441-L11961  
**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [ Serian ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah-langkah untuk menaikkan harga komoditi lada hitam, sawit dan getah.
8. PR-1441-L12575  
**Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa jumlah vaksin Pfizer, Sinovac, AstraZeneca, Moderna, CanSino, Janssen dan Sinopharm yang telah dibeli dan kos pembelian tiap-tiap jenis vaksin yang telah dibeli pada peringkat awal sehingga kini dan agihan vaksin mengikut pecahan negeri di Malaysia setakat ini.
9. PR-1441-L11796  
**Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [ Besut ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan inisiatif yang diperkenalkan dalam mengaplikasikan penggunaan teknologi dan mekanisasi khususnya bagi menangani isu kekurangan buruh asing dalam sektor perladangan kelapa sawit dan getah.
10. PR-1441-L11829  
**Tuan Noor Amin bin Ahmad [ Kangar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa kes perceraian berlaku sejak Mac 2020 hingga kini.

11. PR-1441-L11445  
**Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan setakat manakah Kerajaan telah memuktamadkan kebenaran dan kelulusan untuk tanaman ketum (*Mitragyna Speciosa*) di negara ini secara persendirian dan komersial serta nyatakan mengenai peraturan-peraturan tanaman dan penggunaan ketum di negara ini.
12. PR-1441-L12238  
**Tuan Mordi Bimol [ Mas Gading ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan memberikan peruntukan sama rata kepada semua Ahli Parlimen bagi memastikan setiap kawasan serta rakyat dapat menerima hak mereka secara adil.
13. PR-1441-L12134  
**Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [ Parit ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) berapa jumlah individu yang telah diisytiharkan mufliis sepanjang tempoh pandemik COVID-19 melanda negara ; dan
  - (b) apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi membantu individu mufliis kesan daripada pandemik COVID-19.
14. PR-1441-L12384  
**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Kerajaan baru untuk menangani pandemik COVID-19 dan kesannya terhadap sosioekonomi, kesihatan mental rakyat dan pendekatan baru setelah pendekatan lalu telah menunjukkan kegagalan untuk menangani kesan pandemik ini.
15. PR-1441-L12239  
**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [ Bachok ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan elemen-elemen utama yang menjadi penumpuan dalam penggubalan Akta Kawalan dan Sekatan Pengembangan Doktrin atau Kepercayaan Agama Dalam Kalangan Orang Islam.

16. PR-1441-L12482

**Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [ Kubang Pasu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah Kerajaan dalam mengutamakan vaksinasi kepada ibu hamil kerana nisbah kes ibu hamil dijangkiti COVID-19 yang menerima rawatan rapi berbanding jumlah pesakit COVID-19 kritikal ialah 1 dalam 20. Nisbah ini jauh lebih tinggi berbanding nisbah jangkitan ibu hamil dalam populasi umum iaitu 1 dalam 220.

17. PR-1441-L12627

**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan :-

- (a) apakah perancangan Kementerian untuk memastikan sistem pengairan di sepanjang pembinaan projek Lebuh Raya Pan Borneo terutamanya di kawasan Bintulu dibaiki dan ditambah baik mengikut keadaan semasa memandangkan beberapa lokasi sering dilanda banjir kilat akibat sistem pengairan yang sangat teruk ; dan
- (b) apakah tindakan tegas yang diambil Kementerian terhadap kontraktor yang gagal mematuhi piawaian pembinaan dan penyelenggaraan jalan-jalan utama yang terlibat dalam Lebuh Raya Pan Borneo.

18. PR-1441-L12221

**Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [ Johor Bahru ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan peratusan terkini bilangan pekerja warga asing yang telah divaksin bagi mengekang penularan wabak COVID-19 dan pembentukan kluster-kluster baru terutamanya dalam sektor industri perkilangan yang memiliki tenaga buruh asing yang tinggi.

19. PR-1441-L(5)00084

**Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi [ Igan ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan sejauh manakah penularan wabak COVID-19 memberi impak terhadap pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo.

[ Pertanyaan di bawah PM 22(5) ]

20. PR-1441-L12486

**Tengku Zulpuri bin Raja Puji [ Raub ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan pada awal Januari 2021, kawasan Parlimen Raub di landa banjir besar beberapa kawasan kampung dan pinggir bandar terlibat, ada yang menyatakan banjir ini sama seperti tahun 1971. Apakah usaha Kerajaan pusat melalui JPS dan agensi lain termasuk Kerajaan Negeri Pahang untuk mengatasi masalah ini supaya ianya dapat mengurangkan risiko kerosakan dan kemusnahan harta benda dan nyawa.

21. PR-1441-L12505  
**Tuan Wong Chen [ Subang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berniat untuk membentuk sebuah jawatankuasa pilihan bersama yang terdiri daripada Ahli-Ahli Parlimen daripada pihak Kerajaan dan pembangkang untuk memantau pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara.
22. PR-1441-L11950  
**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan status terkini pengumuman khidmat wajib minima 21 tahun bagi membolehkan semua veteran layak mendapat pencen.
23. PR-1441-L11656  
**Puan Isnaraissah Munirah Majilis [ Kota Belud ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan justifikasi pelaksanaan vaksinasi buat anak- anak berumur dalam lingkungan 12 hingga 18 tahun, dimana tidak mengikut piawaian amalan vaksinasi di Amerika Syarikat dan United Kingdom seperti yang disebut oleh Menteri sebelum ini.
24. PR-1441-L12419  
**Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN KANAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bagi tempoh Mac 2020 hingga kini:-
- (a) berapa jumlah pelaburan domestik dan pelaburan langsung asing mengikut kategori pelaburan dan negeri yang terlibat; dan
  - (b) jumlah pelabur yang keluar atau menamatkan pelaburan ke Malaysia bagi tempoh yang sama.
25. PR-1441-L12006  
**Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang akan diambil Kerajaan bagi menghadapi musim tengkujuh dan musibah banjir di negeri-negeri Pantai Timur pada akhir tahun ini.
26. PR-1441-L12109  
**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada terdapat menyusutan dalam jumlah kategori M40 dan pertambahan dalam kategori B40. Jika ya, adakah Kerajaan berhasrat untuk membuat pentakrifan semula klasifikasi pengkelasan pendapatan berdasarkan komposisi semasa yang sebenar.

27. PR-1441-L12193  
**Puan Yeo Bee Yin [ Bakri ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah status perkembangan pembentangan Akta Perubahan Iklim, Akta Pengendalian Bahan Kimia (Chemical Governance Act) dan Akta Kualiti Alam Sekeliling yang baru (atau pindaan bagi akta sedia ada) seperti yang dirancang semasa pentadbiran Pakatan Harapan.
28. PR-1441-L12191  
**Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) apakah pelan tindakan yang telah dirancang pihak Kementerian selepas negara mencapai imuniti kelompok ; dan
  - (b) adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengenakan dos ketiga atau lebih bagi Program Imunisasi COVID-19 dalam menghadapi varian berbahaya seperti Delta, Delta Plus dan Lambda.
29. PR-1441-L12371  
**Tuan Wong Kah Woh [ Ipoh Timur ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status penetapan harga siling yang berpatutan untuk :-
- (a) vaksin Sinovac yang dijual di pasaran; dan
  - (b) *self-test kit* bagi saringan ujian COVID-19.
30. PR-1441-L12413  
**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [ Balik Pulau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Malaysia bersedia untuk meminda dan mengembangkan Seksyen 36 Akta SPRM supaya pengisytiharan harta dapat disahkan melalui penyiasatan.
31. PR-1441-L12496  
**Tuan Nga Kor Ming [ Teluk Intan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan mengemukakan Undang-undang Anti Lompat Parti seperti India dan Singapura supaya sistem demokrasi negara kita dapat dibela serta mengelakkan masalah krisis politik daripada berulang.
32. PR-1441-L11576  
**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk melaksanakan Undi 18 dan Pendaftaran pengundi secara automatik.

33. PR-1441-L11594  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jenis-jenis vaksin yang diguna pakai di negara ini bagi mewujudkan lebih banyak imuniti berkelompok sebagai langkah menyekat penularan wabak COVID-19 dan kos pembelian setiap jenis vaksin yang ditanggung oleh Kerajaan setakat ini.
34. PR-1441-L11542  
**Dr. Ong Kian Ming [ Bangi ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN KANAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kemajuan mengenai ratifikasi RCEP dan CPTPP dan apakah rancangan untuk memulakan semula rundingan dengan EU untuk FTA.
35. PR-1441-L12386  
**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasrat Kerajaan mengenai seksyen 309 Kanun Keseksaan untuk '*Decriminalise Attempted Suicide*' untuk menangani isu peningkatan jumlah cubaan membunuh diri di seluruh Malaysia.
36. PR-1441-L11825  
**Tuan Noor Amin bin Ahmad [ Kangar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada satu pindaan Perlembagaan akan dibuat bagi mengelak kekeliruan tentang bidang kuasa antara Yang di-Pertuan Agong dan tiga cabang Kerajaan iaitu Eksekutif, Legislatif dan Kehakiman khususnya dalam persoalan pelantikan dan penggantian Ketua Eksekutif.
37. PR-1441-L11924  
**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perbelanjaan yang telah digunakan untuk JKOM mengikut pecahan kategori jenis aktiviti, bilangan pekerja serta kontraktor dan perbelanjaan khusus untuk COVID-19.
38. PR-1441-L11881  
**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibul ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan pembahagian vaksin COVID-19 ke setiap negeri dan wilayah, senaraikan jumlah dos yang didapati oleh setiap negeri dan wilayah, dan rasional untuk memberikan keutamaan kepada negeri tertentu. Mengapakah kes masih meningkat di wilayah Sarawak walaupun sudah mencapai taraf immunisasi yang melebihi 80%.

39. PR-1441-L(5)00076

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan setiap cadangan yang terkandung dalam Laporan RCI Mengenai Pendatang Tanpa Izin di Sabah terutama sekali cadangan untuk menggantikan kad pengenalan yang ada sekarang kepada yang baru dan bercirikan digital.

[ Pertanyaan di bawah PM 22(5) ]

40. PR-1441-L11604

**Tuan Wong Hon Wai [ Bukit Bendera ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memandangkan ramai isi rumah yang terkesan akibat pandemik COVID-19 seperti yang dilaporkan oleh Laporan Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan, Malaysia (2020), apakah inisiatif baru Kerajaan untuk mendaftarkan mereka di bawah sistem e-Kasih dan lain-lain bantuan kebajikan.

41. PR-1441-L12449

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Ordinan-Ordinan Darurat yang dimasyhurkan oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Pengisytiharan Darurat bertarikh 11 Januari 2021 telah dimansuhkan pada 21 Julai 2021 dan nyatakan pendirian dan tindakan Kerajaan berkenaan dengan Ordinan-Ordinan Darurat tersebut selepas 21 Julai 2021.

42. PR-1441-L11900

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah dos vaksin COVID-19 ketiga akan dilancarkan secepat mungkin, supaya keberkesanan vaksin terhadap varian Delta dan Lambda boleh ditingkatkan. Nyatakan rancangan Kementerian dalam usaha program imunisasi nasional ini.

43. PR-1441-L12293

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [ Lembah Pantai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat meluluskan undang-undang yang menghadkan tempoh perkhidmatan seorang Perdana Menteri kepada dua penggal sahaja.

44. PR-1441-L11840

**Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan tindakan dan perancangan Kementerian bagi memelihara kawasan tadahan air Ulu Muda. Adakah Lembaga Lembangan Ulu Muda (UMBA) sebagaimana dicadangkan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) sebelum ini diluluskan. Jika ya, bila ia akan dilaksanakan dan sekiranya tidak, nyatakan sebabnya.

45. PR-1441-L11461  
**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [ Kalabakan ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan pelan koordinasi yang dilakukan oleh Jawatankuasa Khas Jaminan Bekalan Akses Vaksin (JKJAV) dalam memastikan pembekalan vaksin CanSino ke Sabah tidak meminggirkan mana-mana kawasan luar bandar, lebih-lebih lagi kawasan Parlimen Kalabakan.
46. PR-1441-L12513  
**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk melakukan proses pengagihan kuasa kepada Kerajaan-Kerajaan negeri dalam sektor kesihatan awam sebagai satu usaha meningkatkan keberkesanan menangani wabak penyakit, misalnya pandemik COVID-19.
47. PR-1441-L12190  
**Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah kos haji terkesan daripada pandemik yang berlaku. Jika ada, jelaskan apa perinciannya.
48. PR-1441-L(5)00087  
**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan akan membuat perolehan pesawat Airborne Early Warning and Control (AEW&C) memandangkan ruang udara negara kerap diceroboh oleh anasir asing yang telah merendahkan maruah pertahanan udara Malaysia.

[ Pertanyaan di bawah PM 22(5) ]

49. PR-1441-L12156  
**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) kesan dan impak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0, PKP 2.0, PKP 3.0 dan Darurat (selama 7 bulan) yang boleh dianggap telahpun gagal dengan peningkatan kes COVID-19 yang tidak terkawal; dan
  - (b) apakah langkah seterusnya untuk mengatasi kesan negatif terhadap ekonomi dan sosial akibat pelaksanaan PKP-PKP dan darurat tersebut.

50. PR-1441-L11818

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [ Hang Tuah Jaya ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan sejauh mana penglibatan Kerajaan di dalam Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai perubahan iklim iaitu (COP26) dan apakah agenda utama yang telah disediakan untuk dibawa ke persidangan tersebut.

51. PR-1441-L(5)00081

**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah dos ketiga suntikan vaksin COVID-19 akan dilaksanakan dan bagaimanakah mekanismenya. Apakah ia akan mengguna pakai kaedah pendaftaran melalui MySejahtera seperti sebelum ini ataupun secara automatik, serta apakah suntikan dos ketiga akan diberikan kepada semua rakyat yang bersetuju menerimanya secara sukarela.

[ Pertanyaan di bawah PM 22(5) ]

52. PR-1441-L12433

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan rancangan Kerajaan untuk memastikan semua orang di Malaysia termasuk pelarian, warga asing yang tidak berdokumen boleh mendapat suntikan vaksin COVID-19.

53. PR-1441-L(5)00092

**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah keluarga yang berpendapatan kurang daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) di negeri Melaka mengikut pecahan kawasan parlimen.

[ Pertanyaan di bawah PM 22(5) ]

54. PR-1441-L12350

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Permatang Pauh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) komitmen Kementerian untuk menyahjenayakan percubaan membunuh diri, memandangkan 147 negara tidak menghukum percubaan membunuh diri; dan
- (b) usaha Kementerian mencegah percubaan ulangan, contohnya melalui perwujudan sistem pendaftaran tertutup individu-individu yang berisiko seperti '*National Self-Harm Registry*' yang diguna pakai di Ireland.

55. PR-1441-L11544  
**Dato' Masir Kujat [ Sri Aman ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan bilakah Jajaran Serian - Sri Aman Projek Lebu Raya Pan Borneo siap. Apakah status paksanaan Jajaran tersebut.
56. PR-1441-L11920  
**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan PKS yang gulung tikar dan jumlah pekerja yang terjejas serta kadar kemuflian individu dari Januari 2021 hingga Ogos 2021 berdasarkan sektor ekonomi dan membuat perbandingan statistik mengikut tempoh yang sama pada tahun lepas.
57. PR-1441-L11482  
**Tuan Ahmad bin Hassan [ Papar ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan peranan dan bidang tugas Penasihat Khas Hal Ehwal Sosial di Pejabat Menteri, sumbangan beliau dalam menjayakan setiap inci tugas Kementerian termasuk Program Imunisasi Kebangsaan, serta jumlah saraan dan sumber kewangan bagi saraan beliau dan dua penasihat khas yang lain.
58. PR-1441-L11783  
**Datuk Mohd. Azis bin Jamman [ Sepanggar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah projek pembangunan di Sabah yang terjejas akibat pandemik COVID-19 bagi tahun 2020 dan 2021 dan status projek-projek tersebut ketika ini.
59. PR-1441-L11987  
**Puan Vivian Wong Shir Yee [ Sandakan ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dengan kehadiran varian Delta COVID-19:-
- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan suntikan tambahan (*booster shot*) atau suntikan ketiga bagi mereka yang telah diberi vaksin sepenuhnya; dan
  - (b) adakah Kerajaan telah memulakan mana-mana perbincangan baharu dengan pembekal vaksin bagi bekalan suntikan tambahan seumpamanya untuk Malaysia.

60. PR-1441-L11685  
**Tuan Chan Foong Hin [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sama ada Kerajaan bersetuju dengan cadangan bekas Menteri Abdul Rahman Dahlan yang mencadangkan agar pendatang asing tanpa izin (PATI) divaksinasi dahulu sebelum diusir keluar dari negara. Apakah strategi penvaksinan untuk PATI tanpa apa-apa dokumen sah di Sabah dan seluruh negara.
61. PR-1441-L12021  
**Puan Noorita binti Sual [ Tenom ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan perkembangan terbaru pemberian vaksin negeri Sabah dan nyatakan daripada jumlah penerima vaksin berapakah penerima vaksin yang bukan warganegara dan yang tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah dan apakah inisiatif Kementerian untuk mengelakkan kepadatan penerima vaksin secara '*walk in*' di pusat PPV di Sabah seperti yang ditularkan baru-baru ini.
62. PR-1441-L12442  
**Datuk Ignatius Darell Leiking [ Penampang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan laporan terperinci yang terkini mengikut mengikut negeri status perbelanjaan Program Imunisasi COVID-19 yang bernilai RM5 bilion.
63. PR-1441-L12665  
**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah ekonomi dan sekolah akan dibuka semula, jumlah vaksin yang dibeli dan tarikh penghantaran serta bilakah vaksinasi untuk golongan yang berumur di bawah 18 tahun. Sejauh manakah pekerja asing yang sah dan tanpa izin telah di vaksinasi.

**PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT**  
**MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN**  
**UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA**

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

- \* Rang Undang-Undang Ordinan Peguam Bela (Sabah) (Pindaan) 2021.

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.



- |     |                 |   |                               |
|-----|-----------------|---|-------------------------------|
| 7.  | ( D.R 15/2020 ) | Rang Undang-Undang Lembaga Angkasa Malaysia 2020<br><br><b>[ Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi ]</b>                       | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| 8.  | ( D.R 12/2020 ) | Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020<br><br><b>[ Menteri Dalam Negeri ]</b>                           | "                             |
| 9.  | ( D.R 2/2021 )  | Rang Undang-Undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2021<br><br><b>[ Menteri Kewangan ]</b>                     | "                             |
| 10. | ( D.R 4/2021 )  | Rang Undang-Undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2021.<br><br><b>[ Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwat Pengguna ]</b> | "                             |
| 11. | ( D.R 5/2021 )  | Rang Undang-Undang Pemuliharaan Hidupan Liar (Pindaan) 2021.<br><br><b>[Menteri Tenaga Dan Sumber Asli ]</b>                  | "                             |
| 12. | ( D.R 6/2021 )  | Rang Undang-Undang Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2021.<br><br><b>[ Menteri Tenaga Dan Sumber Asli ]</b>          | "                             |

13. **Perdana Menteri akan mencadangkan :-**

- "(a) BAHAWA Dewan ini membahas, dan meluluskan ketetapan menurut Fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan untuk mengumumkan ordinan-ordinan darurat yang berikut:
- (i) Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 [*P.U. (A) 12/2021*];
  - (ii) Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021 [*P.U. (A) 76/2021*];
  - (iii) Ordinan Darurat (Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja) (Pindaan) 2021 [*P.U. (A) 77/2021*];
  - (iv) Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (No. 2) 2021 [*P.U. (A) 110/2021*];
  - (v) Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (Pindaan) 2021 [*P.U. (A) 151/2021*];

- (vi) Ordinan Darurat (Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah) (Pindaan) 2021 [*P.U. (A) 173/2021*]; dan
  - (vii) Ordinan Darurat (Kumpulan Wang Amanah Negara) (Pindaan) 2021 [*P.U. (A) 186/2021*].
- (b) BAHAWA selaras dengan peruntukan Fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan, Proklamasi Darurat dan apa-apa ordinan yang dimasyhurkan di bawah Fasal (2B) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan hendaklah dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen dan, jika tidak terlebih dahulu dibatalkan, hendaklah terhenti berkuat kuasa jika ketetapan diluluskan oleh kedua-dua Majlis yang mengemukakan Proklamasi atau ordinan itu, tetapi tanpa menjejaskan apa-apa jua yang dilakukan sebelumnya menurut kuasa Proklamasi atau ordinan itu atau tanpa menjejaskan kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk mengeluarkan suatu Proklamasi baharu di bawah Fasal (1) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan atau memasyhurkan apa-apa ordinan di bawah Fasal (2B) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan; dan
- (c) BAHAWA Dewan ini mengambil maklum langkah-langkah sewajarnya perlu diambil untuk memastikan tidak timbul kesukaran atau apa-apa halangan kepada Kerajaan untuk mengawal ancaman pandemik dan perkara-perkara yang boleh menyebabkan ancaman terhadap ekonomi, atau kestabilan awam termasuklah penyampaian perkhidmatan kesihatan awam apabila terhentinya kuat kuasa semua ordinan yang dibuat di bawah Proklamasi Darurat yang tersebut itu.

DENGAN INI DEWAN mengambil ketetapan seperti berikut :

Kerajaan mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat bagi membolehkan Parlimen membahaskan dan mengungkap ordinan-ordinan darurat seperti yang disebut di perenggan (a) menurut kehendak Fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan".

14. PR-1441-U(27)201

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** akan mencadangkan :-

"Kerajaan supaya meminda Perkara 150(3) Perlembagaan Persekutuan bagi memperjelaskan tatacara pembatalan Proklamasi Darurat dan Ordinan-Ordinan Darurat."

**[ Perdana Menteri ]**

15. PR-1441-U(27)202

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** akan mencadangkan :-

"Kerajaan Persekutuan supaya melakukan pindaan Perlembagaan terhadap Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan untuk memberi kuasa Kerajaan-Kerajaan negeri dalam bidang kesihatan awam dan juga aktiviti kegiatan ekonomi."

**[ Perdana Menteri ]**

16. PR-1441-U(27)203

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :-

"Merasai penderitaan rakyat akibat kehilangan insan tersayang akibat COVID-19, kehilangan sumber pendapatan, serta kesukaran meneruskan pembelajaran dan pengajaran dalam sistem persekolahan yang sedia ada;

Menyedari pelbagai masalah dan kecelaruan dalam pembuatan serta pelaksanaan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang melibatkan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan dan Kerajaan di peringkat Kampung;

Menyedari hakikat bahawa struktur Majlis Keselamatan Negara yang ada terbukti tidak dapat merangkumi secukupnya suara pembangkang Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan negeri untuk membentuk muafakat rentas-parti dan rentas Kerajaan yang berkesan untuk menangani pemulihan ekonomi dan kesihatan;

Mengambil maklum dasar dan SOP yang diperlukan untuk menangani wabak COVID-19 mungkin tidak popular pada permulaan dan hanya boleh berjaya jika tanggungjawab politik ditanggung bersama oleh semua parti politik dan Kerajaan negeri sebagai Tim Malaysia untuk meyakinkan masyarakat;

Mengambil maklum pemusatan kuasa dalam bidang kesihatan dan kesihatan awam di bawah Jadual ke-Sembilan Perlembagaan Persekutuan yang telah menghindari Kerajaan-Kerajaan negeri daripada memberikan sumbangan yang lebih besar dalam melawan wabak COVID-19; dan

Menerima hakikat peri pentingnya pandangan dan sokongan Ketua-Ketua Menteri dan Menteri-Menteri Besar, pemimpin-pemimpin kanan parti Pembangkang dan pakar-pakar dalam masyarakat, sektor profesional dan sektor swasta untuk membantu Menteri-Menteri Persekutuan dan pucuk pimpinan perkhidmatan awam, tentera dan polis dalam pembuatan keputusan dasar serta SOP yang inklusif;

Maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah bersetuju untuk mencadangkan Kerajaan supaya menubuhkan MAJLIS PERSEKUTUAN - NEGERI UNTUK PEMULIHAN EKONOMI DAN KESIHATAN RAKYAT dengan terma-terma seperti berikut:-

1. Majlis ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri dengan Ketua Pembangkang Parlimen sebagai timbalan pengerusi;

2. Dianggotai oleh tiga kumpulan: Pertama, sejumlah menteri termasuk Menteri Pertahanan, Menteri Kesihatan, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Dalam Negeri, Menteri Pelancongan, Menteri Pendidikan dan Menteri Hal Ehwal Sabah dan Sarawak; Kedua, ahli-ahli parlimen pembangkang yang menggambarkan kepelbagaian parti dan dalam jumlah yang sama; dan ketiga, semua Ketua Menteri dan Menteri Besar daripada 13 buah negeri;

3. Menerima input profesional dan kepakaran daripada sektor ekonomi, kesihatan awam dan pendidikan bersama-sama pucuk pimpinan perkhidmatan awam, tentera dan polis; dan

4. Bermesyuarat setiap minggu sebelum mesyuarat Kabinet untuk menerima laporan dan mengambil tindakan atas perkara-perkara seperti pengangguran dan penutupan perniagaan, jangkitan, kemasukan hospital (*hospitalization*) dan kematian akibat COVID-19, prestasi vaksinasi rakyat ; Pelaksanaan SOP, keadaan persekolahan dan prestasi sektor utama ekonomi;

DAN bersetuju untuk menuntut Perdana Menteri melaporkan status penubuhan MAJLIS PERSEKUTUAN - NEGERI dalam tempoh 60 hari daripada usul ini dipersetujui oleh Dewan Yang Mulia ini. "

**[ Perdana Menteri ]**

17. PR-1441-U(27)204

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuanan ]** akan mencadangkan :-

"Usul Menambah 13 lagi Jawatankuasa Pilihan Khas sebagai tambahan kepada 9 Jawatankuasa Pilihan Khas yang sedia ada.

Menerima hakikat bahawa terdapat 20 lagi portfolio dalam Kementerian-Kementerian yang belum lagi dimasukkan dalam 9 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang sudah ditubuhkan.

Menyedari tuntutan rakyat agar Ahli-ahli Parlimen memainkan peranan untuk memastikan agar duit cukai mereka digunakan sebaik-baik mungkin untuk kesejahteraan rakyat.

Menyedari juga kewajipan-kewajipan Ahli-ahli Parlimen sebagai tonggak pelaksanaan institusi parlimen sebagai semak dan imbang terhadap Kerajaan dan

Menerima hakikat bahawa masih ada 88 Ahli Dewan Rakyat serta sebilangan Ahli-ahli Dewan Negara yang belum dilantik dalam mana-mana Jawatankuasa Parlimen.

Maka saya dengan ini (bagi pihak 55 Ahli-ahli Dewan Rakyat yang telah menghantar memorandum kepada Tuan Yang di-Pertua mohon supaya ditubuhkan 13 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen) meminta supaya Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan menubuhkan 13 lagi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen seperti berikut: Sekiranya jumlah MP bagi setiap PSSC tidak ditambahkan, kami menyeru Kerajaan untuk mempertimbangkan 13 PSSC baharu bagi portfolio-portfolio berikut:

No	Portfolio Menteri	PSSC Sepadan Diperlukan
1	JPM - Hal Ehwal Sabah dan Sarawak	Federalisme dan Desentralisasi*
2	JPM - Hal Ehwal Agama	Hal Ehwal Agama*
3	Hal Ehwal Luar Negeri	Hal Ehwal Luar Negeri
4	Alam Sekitar dan Air	Alam Sekitar dan Air
5	Tenaga dan Sumber Asli	Tenaga dan Sumber Asli
6	Pengangkutan	Pengangkutan**
7	Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Perumahan dan Kerajaan Tempatan**
8	Wilayah Persekutuan	Wilayah Persekutuan
9	Sumber Manusia	Sumber Manusia
10	Komunikasi dan Multimedia	Komunikasi dan Multimedia
11	Belia dan Sukan	Belia dan Sukan
12	Pelancongan, Seni dan Budaya	Pelancongan, Seni dan Budaya
13	Perpaduan Negara	Perpaduan Negara
14	Pembangunan Usahawan dan Koperasi	Pembangunan Usahawan dan Koperasi

### [ Perdana Menteri ]

18. PR-1441-U(27)205  
**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuan ]** akan mencadangkan :-

"Usul Pindaan Perlembagaan Pasal 1(2).

Menerima hakikat bahawa mantan Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad dalam Kerajaan yang lalu sudah pun mengumumkan bahawa Sabah dan Sarawak adalah *equal partner* persekutuan Malaysia. Dan

Menerima hakikat bahawa mantan Perdana Menteri Tan Sri Mahiaddin Yassin juga telah mengumumkan status Sabah dan Sarawak sebagai Wilayah. Dan

Menyedari pelbagai kekeliruan di kalangan anggota perkhidmatan awam dan juga rakyat jelata telah timbul akibat daripada siri pengumuman tersebut.

Menerima hakikat bahawa rakyat Sabah dan Sarawak sudah sekian lama membuat tuntutan agar kedudukan Sabah dan Sarawak sebagai *equal partner* ditunai dan dilaksanakan melalui perundangan. Dan

Menerima hakikat tentang sebutan asal Perlembagaan Persekutuan sebenarnya sudah mengambil kira kedudukan Sabah tersebut sebelum pindaan Pasal 1(2) dilakukan pada tahun 1976.

Maka dengan itu Dewan yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan agar Kerajaan membentangkan pindaan terhadap Pasal 1(2) dengan memasukkan kehendak dan cadangan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dalam sesi persidangan parlimen kali ini."

**[ Perdana Menteri ]**

19. PR-1441-U(27)206

**Dato' Sri Azalina Othman Said [ Pengerang ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49(1) kepada Yang Berhormat Ahli bagi Kawasan Pengerang untuk mencadangkan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2021 dan Rang Undang-Undang Pemecatan Ahli-ahli Parlimen 2021."

**[ Perdana Menteri ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2020</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 99	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Bagi Tahun 2018	12 Oktober 2021

<b><u>TAHUN 2021</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
DR. 4	Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen Keempat Belas terhadap Amanah Raya Berhad  1. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) 2. Amanah Raya Berhad (ARB)	12 Oktober 2021
DR. 9	Penyata Khas Jawatankuasa Pemilih Dewan Rakyat Yang Keempat Belas Menurut Peraturan Mesyuarat 76(2), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat	12 Oktober 2021
ST. 113	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia Bagi Tahun 2019	12 Oktober 2021
ST. 167	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Penduduk Dan Keluarga Negara Bagi Tahun 2019	12 Oktober 2021
ST. 169	Laporan Tahunan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman Bagi Tahun 2020	12 Oktober 2021

**\*\*UCAPAN-UCAPAN  
( PERATURAN MESYUARAT 17 )  
( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 12.10.2021 (Selasa)	1. YB Tuan Kesavan A/L Subramaniam (Sungai Siput)	1. Isu Banjir Taman Muhibbah Jaya Fasa 2, Sungai Siput (U)	1. YB Menteri Alam Sekitar Dan Air
2. 12.10.2021 (Selasa)	2. YB Puan Teo Nie Ching (Kulai)	2. Status Tindakan Susulan Penyelesaian Isu Banjir Di Kawasan Parlimen Kulai	2. YB Menteri Alam Sekitar Dan Air

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**